

SOALAN NO: 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DR. HAJAH SITI MARIAH BT. MAHMUD

TARIKH: 17 NOVEMBER 2015

SOALAN:

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pekerja asing yang berdaftar di semua sektor industri yang mengambil pekerja asing. Apakah jumlah yang diunjurkan oleh Kementerian untuk memenuhi keperluan pekerja asing 5 (lima tahun) mendatang dan apakah usaha Kerajaan untuk menggalakkan majikan mengambil pekerja tempatan dan apakah pula program Kementerian untuk menggalakkan rakyat menyertai pekerjaan di sektor yang di kuasai oleh pekerja asing.

PR-1333- L71447

JAWAPAN:

Tuan Yang Di pertua,

1. Kerajaan berpendirian bahawa keutamaan pekerjaan hendaklah sentiasa diberikan kepada rakyat tempatan. Oleh yang demikian, Kerajaan menetapkan sektor yang dibenarkan untuk mengambil pekerja asing hanya ditetapkan kepada 5 sektor utama sahaja iaitu pembinaan, pembuatan, perladangan, perkhidmatan dan pertanian yang mana pekerja tempatan sukar diperolehi. Dalam pada itu, Kerajaan juga menetapkan negara tertentu sahaja yang boleh dijadikan sebagai negara sumber untuk mendapatkan pekerja asing. Antara negara sumber tersebut adalah India, Sri Lanka, Indonesia, Vietnam, Kemboja, Thailand, Nepal, Laos, Myanmar, Filipina, Pakistan, Uzbekistan, Turmekistan dan Kazakhstan.

Tuan Yang Dipertua,

2. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan menetapkan dalam dokumen Rancangan Malaysia Ke-11 bahawa pengajian pekerja asing tahun 2020 hendaklah tidak melebihi lima belas peratus (15%) daripada jumlah guna tenaga daripada tujuh belas peratus (17%) pada masa ini.

3. Secara dasarnya, langkah yang diambil oleh Kerajaan pada masa sekarang berhubung pengambilan pekerja asing adalah bersifat jangka pendek iaitu bagi memenuhi keperluan mendesak ekonomi negara dan keperluan pihak industri. Sehubungan itu,

Kerajaan sentiasa memastikan supaya pengambilan pekerja asing hendaklah dirancang dan diurus secara teratur supaya peluang pekerjaan bagi rakyat tempatan, keselamatan negara, kesihatan, kerukunan masyarakat dan keharmonian industri sentiasa terpelihara. Dengan perancangan dan pelaksanaan yang teratur sahaja, hasrat untuk mengurangkan kebergantungan negara kepada tenaga kerja asing dapat direalisasikan.

4. Antara usaha-usaha kementerian menggalakkan majikan menarik minat pekerja tempatan untuk bekerja di sektor-sektor ini adalah seperti berikut:

- a. Dalam sektor perladangan, Kerajaan menggalakkan penggunaan teknologi automasi seperti mesin cantas, alat pembungkusan secara mekanikal dan struktur jaring kalis serangga untuk aktiviti pembungkusan buah;
- b. Dalam sektor perkhidmatan, penggunaan mesin mencuci pinggan mangkuk di restoran dan sistem *self service* di restoran dan pam minyak telah mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga kerja asing;
- c. Dalam sektor pembinaan, penggunaan teknologi berasaskan *Industrial Building System* (IBS)

digalakkan bagi mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga buruh asing;

- d. KSM melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) mengadakan rundingan dengan majikan supaya membayar upah yang lebih tinggi dan lain-lain kemudahan ditawarkan kepada pekerja sebagai tarikan kepada pekerja tempatan;
- e. Menempatkan industri pembuatan dan perkilangan di kawasan-kawasan yang mempunyai ramai tenaga kerja seperti di luar bandar bagi mengatasi masalah kekurangan pekerja dalam sektor perkilangan dan pembuatan;
- f. Mengadakan *latent workforce* sebagai satu galakan kepada golongan suri rumah, ibu tunggal, pesara, orang kurang upaya dan pelajar institusi pengajian tinggi untuk bekerja secara separa masa. Majikan digalakkan untuk mengambil *latent workforce* bagi memberi peluang pekerjaan serta mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing dan memperbanyakkan program *home working*;
- g. Mengadakan Program Penempatan Pekerjaan (3P) di tempat-tempat dimana ramai tenaga kerja yang boleh

didaftar dan ditemuduga oleh majikan-majikan yang menyertai program 3P; dan

- h. Membekukan pengambilan pekerja asing dalam sektor perkhidmatan kecuali dalam sub-sektor tukang masak, pekerja pembersihan, pencucian dan pekerja resort peranginan.